



UM.R/SM/625/5

24 Februari 2017

Timbalan Naib Canselor
Bursar
Ketua Pustakawan
Pengarah/Dekan Akademi/Fakulti/Pusat/Institut
Pengetua Kolej Kediaman
Ketua-Ketua Jabatan
Presiden PKAUM
Presiden KKAUM

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

LARANGAN MELIBATKAN DIRI DALAM AKTIVITI YANG BOLEH DITAFSIRKAN SEBAGAI TIDAK MENZAHIRKAN TAAT SETIA KEPADA YANG DIPERTUAN AGONG, NEGARA DAN KERAJAAN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam dalam suratnya bertarikh 16 Januari 2017 (JPA.BK(S)343/7-4 Jilid 2(6), telah memaklumkan mengenai **larangan melibatkan diri dalam aktiviti yang boleh ditafsirkan sebagai tidak menzahirkan taat setia** kepada Yang Di-Pertuan Agong, negara, Kerajaan dan Universiti. Ia adalah selaras dengan Akta 605 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000, Seksyen 5 Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Bahagian II 3(1) iaitu "Seseorang pegawai hendaklah pada setiap masa memberikan taat setianya yang tidak berbelah bahagi kepada Yang di-Pertuan Agong, negara, Kerajaan dan badan berkanun".

3. Pelakuan tidak menzahirkan taat setia ini meliputi kata-kata, tingkah laku atau perbuatan. Ini termasuklah memberikan ulasan/pandangan menerusi aplikasi media sosial, elektronik, menyertai aktiviti yang tidak menggambarkan prinsip *neutrality* dan *impartiality*. Perbuatan sedemikian merupakan satu salah laku yang serius kerana ia boleh menggugat keharmonian perkhidmatan awam dan negara. Jika didapati bersalah, pegawai terlibat boleh dikenakan tindakan tatatertib yang boleh membawa hukuman maksimum buang kerja.

4. Sehubungan itu, YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diminta untuk memberi perhatian serius terhadap perkara ini dengan sentiasa mengingatkan staf di PTJ masing-masing dan melaksanakan pemantauan serta mengambil tindakan sewajarnya sekiranya berlaku sebarang salah laku berhubung perkara ini.

5. Sila abaikan surat terdahulu bertarikh 22 Februari 2017.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


MAHAMAD APANDI KHALIB
Timbalan Pendaftar Kanan

s.k. Naib Canselor

Pendaftar

☐ Untuk tindakan: _____

☒ Edaran

☐ Fail


PROFESOR DR. ABDULLAH GANI
Dekan
Fakulti Sains Komputer & Teknologi
Maklumat